From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-CRSD, UNIVERSITY OF CAMBRIDGE TEROKA KERJASAMA STRATEGIK
Date: Wednesday, 23 September, 2026 10:00:06 AM
Attachments: image001.png
image009.png

DI UUMKL

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

22 SEPTEMBER 2026 / 10 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Economic and Financial Policy Institute (ECOFI), UUM

UUM–CRSD, UNIVERSITY OF CAMBRIDGE TEROKA KERJASAMA STRATEGIK



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 22 September 2026 – Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh jaringan akademik dan penyelidikan antarabangsa menerusi Perbincangan Strategik bersama Centre for Resilience and Sustainable Development (CRSD), University of Cambridge, United Kingdom, bagi meneroka potensi kerjasama antara kedua-dua institusi.

Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Ybrs. Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed dan dihadiri oleh YBhg. Dato' Muhamad Khizri, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), barisan pengurusan UUM serta Prof. Dr. Nazia M. Habib, Pengarah CRSD, University of Cambridge.

Sesi berkenaan memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk meneroka bidang kerjasama strategik yang berpotensi dibangunkan, khususnya dalam penyelidikan, latihan dan pembangunan kapasiti staf, perkongsian kepakaran serta pelaksanaan program bersama yang dapat memperkukuh impak penyelidikan kepada masyarakat dan pembuat dasar.



Perbincangan turut memberi tumpuan kepada potensi menghubungkan kekuatan dan kepakaran UUM dalam pelbagai bidang dengan pengalaman CRSD dalam pendekatan penyelidikan transdisiplin, pembangunan mampan serta penyelidikan berorientasikan impak.

Kerjasama yang diterokai ini diharap dapat membuka ruang kepada pembangunan inisiatif bersama yang lebih tersusun pada masa hadapan, di samping memperluas jaringan antarabangsa UUM dan mewujudkan peluang pembangunan kapasiti dalam kalangan penyelidik universiti.

Terdahulu, Prof. Dr. Nazia turut mengadakan sesi perkongsian kepakaran bertajuk *"Co-Creation Laboratory Methodology: From Research to Policy and Impact"* bersama penyelidik UUM.

Sesi perkongsian tersebut dianjurkan oleh Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI) dan Health, Education & Labour Research Group (HeaL) dari Pusat Pengajian Ekonomi dan Perbankan, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (JHEPPI), UUM.



Melalui sesi berkenaan, para penyelidik UUM didedahkan kepada pendekatan Co-Creation Laboratory (CoLab) sebagai metodologi penyelidikan transdisiplin yang menekankan penglibatan pelbagai pemegang taruh dalam proses mengenal pasti permasalahan, membangunkan penyelesaian serta menterjemahkan hasil penyelidikan kepada dasar dan impak kepada masyarakat.

Sesi interaktif itu turut membuka ruang kepada peserta untuk bertukar pandangan mengenai aplikasi pendekatan *co-creation* dalam penyelidikan serta bagaimana penyelidik boleh menghubungkan hasil akademik dengan keperluan sebenar masyarakat, industri dan pembuat dasar.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen UUM untuk terus memperluas jaringan dengan institusi antarabangsa terkemuka, memperkukuh kapasiti penyelidik serta menggalakkan penghasilan penyelidikan yang bukan sahaja mempunyai nilai akademik, malah mampu menyumbang kepada pembangunan dasar dan kesejahteraan masyarakat.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.